9 Julai 2025
9 July 2025
P.U. (A) 209

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (MALAYSIA RAIL LINK SDN. BHD.) 2025

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (MALAYSIA RAIL LINK SDN. BHD.) ORDER 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (MALAYSIA RAIL LINK SDN. BHD.) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.) 2025**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

"jaminan" ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam dan Kemudahan STRC-i4;

"Kemudahan STRC-i4" ertinya Kemudahan Pusingan Kredit-i Jangka Pendek Islam Bersindiket yang diperoleh oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. daripada AmBank Islamic Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. dan RHB Islamic Bank Berhad dengan amaun agregat prinsipal lima bilion lapan ratus juta ringgit (RM5,800,000,000.00);

"Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam" ertinya Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. menurut Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam (dengan opsyen untuk menerbitkan Sukuk Matlamat Pembangunan Mampan) dengan nilai nominal sehingga tiga belas bilion dua ratus lapan puluh juta ringgit (RM13,280,000,000.00) termasuk jumlah agregat yang telah diperoleh di bawah Kemudahan STRC-i4.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh—

(a) Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., AmBank Islamic Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. atau RHB Islamic Bank Berhad atau mana-mana pihak lain berkenaan dengan apa-apa wang yang harus dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan STRC-i4 dan jaminan;

(b) Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. atau pemegang Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam atau mana-mana pihak lain berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam dan jaminan; atau

(c) mana-mana orang yang perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan pembiayaan yang diperoleh oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. di bawah Perintah ini dipindahkan atau diserahhakkan,

hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam, Kemudahan STRC-i4 dan jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 4 Julai 2025
[MOF.SID(S)700-14/2/4JLD.7; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (MALAYSIA RAIL LINK SDN. BHD.) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.) Order 2025**.

Interpretation

2. In this Order—

"guarantee" means the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme and STRC-i4 Facility;

"STRC-i4 Facility" means the Syndicated Islamic Short Term Revolving Credit-i Facility obtained by the Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. from AmBank Islamic Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. and RHB Islamic Bank Berhad with the aggregate principal amount of five billion and eight hundred million ringgit (RM5,800,000,000.00);

"Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme" means the Islamic Commercial Papers and the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by the Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. pursuant to the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme (with an option to issue the Sustainable and Development Goals Sukuk) with a nominal value of up to thirteen billion two hundred and eighty million ringgit (RM13,280,000,000.00) including the aggregate amount that has been obtained under the STRC-i4 Facility.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by—

(a) the Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., AmBank Islamic Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. or RHB Islamic Bank Berhad or any other party in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the STRC-i4 Facility and the guarantee;

(b) the Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. or holder of the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes or any other party in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme and the guarantee; or

(c) any party to whom the agreement, note, instrument and document in relation to the funding obtained by the Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. under this Order is transferred or assigned,

shall be remitted in full.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme, STRC-i4 Facility and the guarantee shall be remitted in full.

Made 4 July 2025
[MOF.SID(S)700-14/2/4JLD.7; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II